

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6 : BILANGAN 22.

BANDAR BRUNEI, RABU 15 NOVEMBER, 1961. (7 JEMADIL AKHIR, 1381).

PERCHUMA

UPACHARA PERBARISAN ASKAR MELAYU BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Upachara Perbarisan Askar Melayu Brunei yang julong2 kali di-adakan di-negeri ini telah berlangsung di-Padang Besar di-sini pada pukul 8.00 pagi 9 November lepas.

Perbarisan yang bersejarah itu di-lakukan oleh 59 orang Askar Melayu Brunei yang telah menjalani latehan sa-lama enam bulan di-Persekutuan Tanah Melayu—bersama dengan Pancharagam Pasokan yang ke-5 Askar Melayu Diraja Persekutuan Tanah Melayu dan Pasokan Pancharagam Pulis Brunei.

Lebih 4,000 orang termasuk murid2 sekolah telah menyaksikan upachara yang bersejarah itu.

Bangunan2 yang berhampiran sa-lain dari padang perbarisan penoh sesak dengan orang2 yang menyaksikan upachara tersebut.

Upachara Perbarisan itu juga telah di-saksikan oleh Duli2 Yang Teramat Mulia Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei serta Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Setia Marsal bin Ma'un telah di-beri tabek kehormatan sa-tiba beliau pada pukul 7.50.

Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Tuan D.C. White telah juga menerima tabek kehormatan diraja dan sa-iring dengan itu lagu kebangsaan Inggeris di-bunyikan.

Duli Yang Maha Mulia telah tiba pada pukul 8.00 pagi di-sambut dengan "tabek kehormatan di-raja" dan sa-iring dengan itu lagu Kebangsaan Negeri Brunei di-bunyikan.

Sa-telah itu Duli Yang Maha Mulia telah memeriksa perbarisan Askar Melayu Brunei itu — dengan iringan lagu yang ber-

unsorkan lagu2 Melayu di-mainkan oleh Pancharagam Tentera Persekutuan Tanah Melayu.

Kemudian Pasokan Askar2 Melayu Brunei telah menjalankan "upachara perbarisan" yang kelihatan dengan tangkas dan hebat, yang mengagumkan orang2 yang menyaksikan.

Pasokan perbarisan itu telah balek sa-mula ka-tempat-nya, sa-telah itu Commander Pasokan menjunjong Duli Yang Maha Mulia menyampaikan titah baginda.

Sa-baik sahaja selesai titah Duli Yang Maha Mulia itu, "do'a selamat" telah di-bacakan oleh Kadhi Da'erah Tutong, Inche' Ishak bin Adam.

Padang perbarisan telah berkumandang dengan tiga kali surak kapada Duli Yang Maha Mulia oleh pasokan perbarisan dengan teriakan "daulat tuanku, daulat tuanku, daulat tuanku."

Sa-bagai upachara terakhir "tabek kehormatan di-raja" ka-


kan padang perbarisan di-ikuti oleh Duli2 Pengiran Bendahara dan Pengiran Pemancha, Menteri Besar Brunei, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei.

Upachara Perbarisan yang sama saperti ini telah juga di-adakan pada pukul 5.00 petang hari itu untuk memberi peluang kapada orang ramai yang belum menyaksikan upachara itu di-sa-belah pagi.

Upachara Perbarisan Askar2 Melayu Brunei ini juga akan di-adakan pada 26 November di-padang Kuala Belait pukul 9.30 pagi dan di-Padang Bukit Bendera Tutong pada 28 November pukul 8.30 pagi.

pada Duli Yang Mulia oleh pasokan perbarisan dan Lagu Kebangsaan Negeri Brunei di-bunyikan.

Sa-telah itu Duli Yang Maha Mulia pun berangkat meninggal-



Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin kelihatan memeriksa perbarisan Askar Melayu Brunei di-padang Bandar Brunei.

TITAH DULI YANG MAHA MULIA

BANDAR BRUNEI, — Duli Yang Maha Mulia telah menyatakan bahawa dengan ada-nya Upachara Perbarisan yang di-adakan pertama kali-nya oleh perajurit tanah ayer di-negeri ini ada-lah satu ilham yang di-anugerahkan oleh Tuhan bahawasa-nya niat dan maksud suci baginda yang di-sertai oleh kesedaran ra'ayat untuk menubuhkan satu Angkatan Askar Melayu Brunei itu akan terchapai.

Bertitah dalam upachara perbarisan Askar2 Melayu Brunei pada 9 November lepas di-Padang Besar, Bandar Brunei, Duli Yang Maha Mulia menegaskan lagi bahawa mulai sa'at hari perbarisan itu terchatat-lah satu sejarah baharu yang akan mencherminakan putaran perkembangan hidup kita dalam mengikuti erti hidup di-zaman ka-zaman.


Baginda juga menyatakan kebanggaan-nya memerhatikan bagaimana kecekapan, ketangkasan dan hebat-nya perbarisan yang telah di-tunjokkan oleh perajurit2 tanah ayer.

Duli Yang Maha Mulia ber-

keyakinan bahawa perajurit2 kita tidak kurang taraf-nya dengan perajurit2 di-lain negeri.

Titah baginda sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

"Pada hari ini beta sangat me-
(Lihat Muka 4)



Satu pemandangan upachara perbarisan Askar Melayu Brunei yang telah di-adakan pada hari Khamis yang lalu di-padang Bandar Brunei.



Murid2 dan guru2 Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Kampong Subok, Brunei bergambar ramai dengan Y.A.M. Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed dan lain-nya sa-lepas Y.A.M. itu membuka dengan rasmi Sekolah tersebut pada 6 November, 1961.

Pembukaan Sekolah Melayu

ORANG KAYA BESAR IMAS

SUBOK. — Tempat pelajaran ada-lah sangat2 besar faedahnya, bukan sahaja kepada dunia, bahkan kepada akhirat juga. Demikian kata Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed bin Pengiran Piut.

Beliau telah melafadzkan kata2 tersebut ketika memberi ucapan di-istiadat pembukaan rasmi Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas di-Kampong Belakang Subok pada pagi hari Ithnin 6 November, 1961.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Dato Paduka Mohamed telah menyatakan dalam ucapan-nya itu bahawa beliau berasa sangat sukachita dan berbesar hati hadir di-majlis tersebut untuk membuka dengan rasmi Sekolah Melayu yang baharu itu.

Beliau telah mengucapkan beranyak2 terima kasih kepada Jabatan Pelajaran Negeri Brunei yang telah menjemput beliau untuk merasmikan pembukaan sekolah itu.

Yang Amat Mulia itu juga telah mengucapkan satinggi2 tahniah kepada penduduk2 kampung tersebut yang telah membangunkan sa-buah sekolah untuk memberi pendidikan kepada anak2 mereka yang sangat2 dahagakan kepada pelajaran.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra telah berangkat ka-kampung ini dari Bandar Brunei dengan di-iringi oleh Inche Noor-

din bin Abdul Latif, Penguasa Pelajaran Melayu, Brunei; Inche Yusof bin Tahir, Nadzir, Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei; Yang Berhormat Inche Shahbuddin bin Saleh, Pemangku Nadzir Sekolah2 Melayu Temburong dan beberapa orang Pegawai Kerajaan.

Beliau2 itu telah di-sambut oleh Yang Mulia Orang Kaya Harimau Alam Basar bin Munap ketika tiba di-penghabisan jalan yang dapat di-lalui oleh kereta2 di-atas Bukit Subok.

Dari tempat itu Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra dan lain-nya telah berjalan hampir2 sa-jam ka-Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas.

Sa-lain daripada Pegawai2 dari Jabatan Pelajaran, Brunei antara lain-nya yang hadir di-majlis pembukaan rasmi sekolah tersebut ia-lah Yang Mulia Pengiran Haji Zainal Penghulu Kampong Kota Batu dan Inche Ya'acob bin Ahmad dari Pejabat Daerah Brunei dan Muara yang hadir di-majlis itu bagi pehak Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Istiadat pembukaan rasmi sekolah tersebut di-mulai dengan menaiki bendera Brunei dan nyanyian Lagu Kebangsaan Brunei oleh murid2 sekolah.

Kemudian Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra di-jun-

jong mengishtiharkan pembukaan sekolah itu.

Sa-belum menggunting peta Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra telah berdo'a kepada Tuhan Subhanahu Wata'ala dengan menyatakan bahawa "Dengan nama Allah yang maha pengaseh lagi pemurah, saya merasmikan pembukaan Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas di-Kampong Subok ini".

Sa-lalu itu ucapan2 telah dilafadzkan oleh Yang Mulia Orang Kaya Harimau Alam Basar bin Munap, Penghulu Kampong Subok; Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra; Inche Noordin bin Abdul Latif, Penguasa, Pelajaran Melayu Negeri Brunei yang juga hadir di-majlis tersebut mewakili Pegawai Pelajaran Negara, Brunei dan oleh



Y.A.M. Pengiran Kerma Indra

Chegu Abdul Rahman bin Othman, Guru Besar, sekolah itu.

Majlis itu di-tamatkan dengan baca'an do'a selamat oleh Yang Di-Muliaikan Pehin Ratna Setia Diraja.

Kemudian para hadirin telah menyaksikan persembahan pan-chak silat oleh penduduk2 Kampong Subok.

Sa-belum berangkat balek ka-Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra dan para hadirin telah di-raikan dengan jamuan nasi.

KA-TAWAU

KUALA BELAIT. — Doktor Joseph Wolf bekas Pegawai Perubatan di-Rumah Sakit Kerajaan, Kuala Belait akan berkhidmat di-Tawau Borneo Utara pada awal tahun hadapan.

Terlebih dahulu beliau akan berchuti di-United Kingdom dan di-Negeri Jerman.

Guru2 Baharu Dari Malaya

BANDAR BRUNEI. — Delapan orang penuntut2 Sekolah2 Inggeris di-Persekutuan Tanah Melayu telah di-pilih untuk berkhidmat sa-bagai bakal guru2 di-Negeri Brunei.

Perkara tersebut telah di-nyatakan oleh Yang Berhormat Inche Idris bin Babjee, Pegawai Pelajaran Negara pada masa beliau balek ka-Brunei dari Malaya baharu2 ini.

Yang Berhormat Inche Idris menerangkan bahawa sa-ramai 21 orang penuntut2 yang telah lulus peperiksaan Darjah Sembilan di-Sekolah2 Inggeris di-Malaya telah bertemu dengan beliau di-sana.

Dalam pertemuan tersebut beliau telah memilih delapan orang.

Inche Idris telah tidak dapat menyatakan nama delapan orang penuntut yang berjaya itu buat sementara, kerana hingga ka-sa'at membuat berita ini pehak Kerajaan belum-lah menerima surat2 penerimaan jawatan oleh para penuntut tersebut.

Penuntut2 yang berjaya itu akan di-hantarkan oleh Kerajaan Brunei untuk berlateh sa-lama tiga tahun di-Brainsford Lodge, England; Maktab Bahasa, Kuala Lumpur dan Maktab Perguruan, Pulau Pinang.

Sa-lepas latehan, penuntut2 itu akan mengajar di-Sekolah2 di-Negeri Brunei sa-lama lima tahun.

Darjah Bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI. — Darjah Bahasa Melayu Tingkatan Pertama untuk pegawai2 Kerajaan yang bukan Melayu yang belum memasoki mana2 darjah Bahasa Melayu akan di-adakan mulai pertengahan bulan January, 1962.

Pendaftaran penuntut2 itu akan di-mulakan dari sekarang dan akan di-tutup pada 15 December hadapan.

Borang2 pendaftaran boleh di-dapati dari tempat2 ini:

◆ Di-Bandar Brunei — Pejabat Pelajaran.

◆ Di-Kuala Belait — Pejabat Pelajaran Kuala Belait.

◆ Di-Seria — Sekolah Melayu Muhammad Alam.

Ketua2 Pejabat ada-lah di-minta dengan sa-beberapa boleh menghebahkan perkara ini kepada pegawai2-nya yang berkenaan.

INCHE OUTRAM

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Polis Negeri Brunei, Inche A. N. Outram dan isteri beliau akan berangkat ka-United Kingdom melalui Singapura dengan kapal terbang pada hari ini.

Tujuan keberangkatan Inche Outram ka-United Kingdom ia-lah untuk menyampurnakan kelepasan panjang.

PELATEH2 INSPEKTOR PULIS

BANDAR BRUNEI. — Lima orang Pelateh2 Inspektor Polis Negeri Brunei akan berlepas ka-Singapura untuk berlateh sa-lama enam bulan di-Pusat Latehan Polis, Singapura.

Beliau2 itu ia-lah Awangku Hamzat bin Pengiran Haji Ismail, Inche Fung Kiat Kong, Inche Abdul Rahman bin Awang Besar, Inche Joseph Ho Chin Hiap dan Inche Abdul Rahman bin Haji Tudin.

Pelateh2 Inspektor Polis tersebut di-jadual berangkat ka-Singapura dengan kapal terbang pada hari ini.

MENDAPAT PINGAT



Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran
Muda Mahkota

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkih telah di-anugerahi dengan pingat kehormatan sa-bagai pelatoh kadet yang terbaik sa-kali di-Sekolah Inggeris Victoria, Kuala Lumpur.

Kurniaan pingat tersebut telah di-sampaikan kepada Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota oleh Lieutenant Colonel Ashaari bin Daud, Pegawai Pemerintah Pasokan ke-5 Askar Melayu Diraja, Persekutuan Tanah Melayu dalam satu istiadat tamat latehan pelatoh2 kadet Sekolah Inggeris tersebut baharu2 ini.

Yang Teramat Mulia itu telah di-tabalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin sa-bagai bakal Sultan Brunei dalam satu istiadat yang bersejarah di-Pasir Agong, Istana Darul Hana, Brunei pada 14 August tahun ini.

Pada masa sekarang Yang Teramat Mulia itu sedang melanjutkan pelajaran di-sekolah menengah Inggeris tersebut bersama2 dengan adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamed Bolkih serta beberapa orang lagi Putera2 Diraja Negeri Brunei.

Menurut satu berita dari Kuala Lumpur, Y.T.M. Duli Pengiran Muda Mahkota Brunei sangat-lah rajin belajar dan gemar dalam permainan2 sukan, di-antara-nya ia-lah rugby dan bola sepak.

Yang Teramat Mulia itu adalah di-kasehi bukan sahaja oleh Pengetua dan guru2 sekolah tersebut, bahkan oleh para penuntut sekolah itu.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Putera2 Diraja Brunei yang sedang melanjutkan pelajaran di-sekolah Inggeris tersebut di-jangka akan balek ka-Brunei untuk menyempurnakan kelepasan masing2 pada bulan hadapan-kelak.

Pepereksaan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pepereksaan untuk memilih murid2 Sekolah2 Melayu, Misi dan China untuk belajar di-Darjah2 Permulaan Sekolah2 Inggeris Kerajaan di-Bandar Brunei dan Seria akan di-adakan dengan serentak di-empat buah Sekolah2 Melayu pada hari Sabtu 2 December akan datang.

Berita tersebut ada-lah terkandung dalam. Surat Keliling Jabatan Pelajaran Negeri Brunei bertarikh 7 November yang lalu.

Murid2 yang berjaya dalam pepereksaan tersebut akan di-pilih untuk belajar di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei; Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei dan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Pepereksaan itu akan di-adakan di-Sekolah2 Melayu yang di-bawah ini:

Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei; untuk murid2 di-Daerah Brunei dan Muara.

Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong untuk murid2 di-Daerah Tutong.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait untuk murid2 di-Daerah Belait.

Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong untuk murid2 di-Daerah Temburong.

Jadual masa pepereksaan tersebut pada 2 December akan datang ada-lah seperti di-bawah ini:

8 ka 8.45 pagi: So'alan Dua-gaan Akal.

9 ka 10 pagi: So'alan Bahasa Melayu (khas bagi murid2 Melayu sahaja).

9 ka 9.30 pagi: So'alan Bahasa Kebangsaan (untuk murid2 China sahaja).

9.30 ka 10 pagi: So'alan Bahasa China (untuk murid2 China sahaja).

10.20 ka 11.05 pagi: So'alan Pengetahuan 'Am'.

11.15 ka 12.15 pagi: So'alan Ilmu Hisab.

Murid2 yang akan memasoki pepereksaan tersebut tidak dikehendaki membawa kertas. Mereka

ka di-kehendaki membawa pena, pensil dan kayu pembaris sahaja.

Angka giliran akan di-gunakan bagi ganti nama tiap2 murid yang memasoki pepereksaan tersebut.

Penjaga2 Pepereksaan yang telah di-tetapkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Brunei pada masa di-jalankan pepereksaan tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Di-Sekolah Melayu S.M.J.A. Brunei: Nadzir Sekolah2 Melayu Bandar Brunei, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei dan Nadzir Sekolah2 China.

Di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Bukit Bendera, Tutong: Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Tutong dan Guru Besar Sekolah Menengah Chung Hwa, Tutong.

Di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Belait: Nadzir Sekolah2 Melayu Daerah Belait dan Nadzir Sekolah2 China I.

Di-Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar, Temburong: Nadzir Sekolah2 Melayu Temburong dan Guru Besar Sekolah Pai Yuek, Temburong.

Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei akan menghantarkan Guru2 dari Maktab itu membawa so'alan2 dan jawapan2 di-empat buah pusat pepereksaan tersebut dan memerhatikan pepereksaan yang akan di-jalankan itu hingga selesai.

Surat Keliling Jabatan Pelajaran tersebut menyebutkan lagi bahawa surat2 beranak murid2 yang akan memasoki pepereksaan akan di-pereksa oleh Nadzir Sekolah2 Melayu di-Daerah masing2 mulai dari 15 November.

Oleh kerana hal yang sademikian, Guru2 Besar sekolah2 yang berkenaan ada-lah di-kehendaki mengumpulkan Surat Beranak mulai dari hari ini dan di-tunjokkan kepada pemereksa2 pada bila2 masa di-kehendaki.

Melawat Padang Minyak

SERIA. — Tujuh orang Pegawai Kanan Kerajaan Brunei telah melawat ka-kawasan Padang Minyak Seria atas jemputan Sharikat Minyak Brunei Shell pada hari Thalatha 7 November yang lalu.

Pegawai2 tersebut ia-lah Tengku Pengiran bin Tengku Abdul Aziz Shah, Setia Usaha Sulit kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan; Pengiran Muda Kemaludin bin Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Setia Usaha Pejabat Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei; Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara; Pengiran Hidup bin Pengiran Hashim, Penguasa Penjara Negeri Brunei; Inche Sahari bin Idris, Pegawai Kanan Jabatan Kastam Diraja Brunei; Inche Ali Khan bin Abdul Khan, Penguasa Perkhidmatan Pos Negeri Brunei dan Inche Mohamed Salleh bin Abdul Kadir, Pemangku Pegawai Penerangan Negara Brunei.

Terlebeh dahulu sa-orang lagi Pegawai Kanan Kerajaan di-jadualkan melawat ka-padang minyak Seria bersama2 dengan pegawai2 tersebut.

Beliau ia-lah Pengiran Ahmad bin Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Pegawai Kanan di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei.

Oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan, Pengiran Ahmad telah tidak dapat melawat ka-Seria bersama2 rombongan tersebut.



Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei (semua-nya di-barisan hadapan) bergambar di-padang minyak Seria dalam masa lawatan ka-padang minyak itu pada 7 November, 1961. — Gambar dengan ehsan akhbar SALAM.

TITAH DULI YANG MAHA MULIA MAULANA AL-SULTAN

(Dari Muka 1)

gah dan sukachita dan bersukor kapada Allah kerana telah dapat memerhatikan Istiadat Perbarisan Kehormatan yang di-tunjokkan oleh perajurit2 pada pagi hari ini.

"Dengan ada-nya Istiadat Perbarisan pada hari ini maka nyatalah satu ilham yang di-anugerahkan oleh Allah bahawa-nya yang niat dan maksud suchi beta yang di-sertai oleh kesedaran ra'ayat beta, untuk membangunkan satu Angkatan Tentera Askar Melayu di-negeri ini akan terchapai, dan beta perchaya mulai sa'at dan hari ini akan terchatat-lah dalam sejarah Negeri Brunei Darul-Salam satu sejarah baru yang akan mencherminakan putaran perkembangan hidup kita dalam mengikuti erti hidup di-zaman ka-zaman.

BANGGA

"Beta berasa bangga memerhatikan bagaimana kecekapan, baik dan chergas-nya perbarisan yang telah di-tunjokkan oleh perajurit beta sekalian. Dengan apa yang telah dapat beta lihat pada hari ini, beta menaruh keyakinan bahawa perajurit beta ini ada-lah tidak kurang taraf-nya dengan perajurit di-lain negeri.

"Untuk ini beta sangat bersukachita dan berterima kasih kapada Kerajaan saudara beta, Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, yang telah menumpukan segala tenaga dan latehan2 yang telah di-beri oleh pegawai2 Askar Melayu Di-Raja Persekutuan Tanah Melayu, yang telah memberi latehan yang sempurna kapada Askar Melayu Brunei yang bakti-nya telah dapat kita lihat pada hari ini.

BEKERJA

"Kapada perajurit beta sekalian, beta sangat sukachita mendengar yang tuan2 telah bekerja dan belajar dengan tekun dan sabar dalam kursus dan pelajaran2 sa-hingga tuan2 sekalian telah berjaya menchapai beberapa kemenangan yang pertama dalam segi tentera seperti berkawat, menembak dan juga beta perchaya tuan2 sekalian bukan hanya beroleh kejayaan di-dalam lapangan tentera tetapi juga beta telah di-fahamkan bahawa tuan2 sekalian tidak kurang cekap dalam menunjukkan kebolehan tuan2 sekalian di-dalam lapangan sukan seperti bermain hockey, bola sepak dan rugby dengan baik.

"Dan dengan apa yang dapat beta lihat pada hari ini beta dengan sukachita menguchapkan tahniah atas segala kejayaan

yang telah tuan2 chapai itu dan beta berharap tuan2 perajurit yang di-kasehi sekalian akan seterusnya berjaya di-dalam segala lapangan bukan hanya satakat dalam masa latehan, tetapi beta menaruh pengharapan tuan2 dengan izin Allah akan sentiasa di-dalam kejayaan salama2-nya tuan2 mengabdikan diri dalam lapangan Askar Melayu Brunei ini.

BERCHUTI

"Beta juga mengetahui yang perajurit beta sekalian akan berchuti sa-lama dua minggu di-negeri tuan2 ini. Tuan2 sekalian sa-sudah bercherei beberapa lama dengan sanak saudara dan ibu bapa tuan2 sekalian akan dapat bersama2 dengan mereka itu.

"Beta berharap tuan2 sekalian akan menggunakan kesempatan ini sa-bagai satu tempoh yang mendatangkan riang dan gembira bagi tuan2 dan sanak saudara tuan2 sekalian.

"Dan sa-lepas tuan2 berchuti sa-bagaimana yang telah di-fahamkan bahawa tuan2 akan kembali sa-mula lagi ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk menyambong latehan dan kursus yang lebeh lanjut dan untuk memperoleh pengalaman2 yang lebeh luas dan dalam, dalam segala lapangan tentera dengan teknik.

BERDO'A

"Beta berdo'a moga2 tuan2 sekalian akan selamat menchapai kejayaan yang berlebehan2 lagi dalam kursus dan latehan2 yang akan datang itu.

"Perajurit yang beta kasehi sekalian, apabila tamat latehan dan kursus tersebut dalam masa beberapa bulan tuan2 akan kembali sa-mula ka-tanah ayer tuan2 ia-itu Brunei Darul-Salam, dan pada masa itu beta perchaya tuan2 sekalian akan kembali dengan membawa pengalaman2 dan pengetahuan2 yang telah tuan2 pelajari itu, maka beta harap tuan2 sekalian akan dapat menunjukkan segala2-nya untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman negeri ini bukan hanya bagi fa'edah bangsa dan negara tuan2, tetapi hal ini adalah menjadi tugas utama bagi diri tuan2 sekalian dan supaya akan mendatangkan fa'edah kapada ugama.

BERBARIS

"Tuan sekalian, beta, rasa tentu ada di-antara tuan2 akan menaruh satu perasaan tanda tanya di-dalam hati ra'ayat di-negeri ini, mengapa-kah perajurit beta sekalian yang sedang dalam latehan dengan cekap, tegap dan

chergas berbaris pada pagi hari ini memakai pakaian Askar Melayu Di-Raja?

"Untuk ini biar-lah beta terangkan kapada tuan2 sekalian, bahawa dalam so'al ini hendaklah tuan2 ketahui bahawa Kerajaan beta telah pun berurusan dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tentang bentuk dan chara2 serta chorak pakaian akan di-gunakan oleh Askar Melayu Brunei.

"Pakaian2, bentok2 dan chorak2 yang khas untuk Askar Melayu Brunei ini sedang dalam urusan, tetapi, ada-lah mengambil masa yang agak lama sedikit.

"Walau bagaimana pun beta sukachita menerangkan yang Askar Melayu Brunei ini tetap akan di-persalinkan dan akan memakai pakaian mereka sendiri yang di-khaskan untuk Askar Melayu Brunei dengan memakai chorak2 dan bentok2 pakaian yang sesuai bagi Askar Melayu Brunei ini.

"Kapada para pemuda di-seuruh negeri ini, beta berseru kapada sekalian para pemuda yang chintakan kapada bangsa dan tanah ayer supaya memerhatikan dan menjadi tauladan yang baik atas kejayaan2 dan chita2 morni yang telah di-perolehi oleh perajurit beta sa-bagaimana yang dapat kita lihat dalam Istiadat Perbarisan Perajurit beta pada hari ini

"Sifatkan-lah sa-bagai satu chontoh tauladan pada masa akan datang untuk kepentingan negara dan bangsa kita dan beta berharap kapada sekalian pemuda2 yang berhempah tinggi dalam negeri ini akan mara ka-hadapan mengabdikan diri mereka masuk berkhidmat ka-dalam Angkatan Tentera Brunei untuk menjaga dan mengawal keselamatan Negara Brunei Darul-Salam.

BERSERU

"Kapada ibu bapa para pemuda sekalian, beta berseru jangan-lah hendak-nya tuan2 menaruh churiga dan khuatir bagi memberi keizinan kapada anak2 muda tuan2 yang chenderong dan mempunyai hemah yang tinggi bagi berkhidmat ka-dalam Tentera Negara Brunei ini kerana ini ada-lah besar erti-nya kapada kemajuan negara yang akan mendatangkan fa'edah yang baik untuk kita sekalian di-dalam negeri ini

"Akhir-nya beta sa-kali lagi menguchapkan berbanyak2 terima kasih kapada perajurit beta yang sedang menunjukkan kecekapan perbarisan pada hari ini dan juga beta menguchapkan selamat berlateh kapada perajurit2 yang sedang di-dalam latehan di-Persekutuan Tanah Melayu dan untuk ini beta tidak lupa menguchapkan terima kasih kapada Kerajaan saudara beta Persekutuan Tanah Melayu.

Latehan Pegawai2 Tempatan

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abd. Rahim telah menegaskan dalam persidangan Majlis Meshuarat Negeri pada 24 October lepas bahawa memang telah menjadi dasar Kerajaan memberi latehan kapada anak2 negeri ini supaya dapat menggantikan pegawai2 yang berkontrek.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab beberapa pertanyaan yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Inche' Shaha-buddin bin Md. Saleh, antaranya berbunyi:

"Ada-kah sudah jabatan yang mengambil langkah untuk perseediaan2 bagi melateh orang2 Brunei bagi menggantikan pegawai2 yang berkontrek itu, kerana saya perchaya ada beberapa banyak

pegawai2 kontrek yang akan habis tempoh-nya."

Pengiran Haji Md. Yusuf berkata bahawa Kerajaan telah menyediakan wang sa-banyak \$7,000 bagi tahun 1960 dan \$499,460 bagi tahun 1961 untuk tujuan memberi latehan kapada pegawai2 tempatan.

"Tetapi kesukaran yang telah di-alami oleh Kerajaan ia-lah dalam mendapatkan chalu2 atau pegawai2 yang berkelayakan untuk di-lateh, walau pun darjah kelayakan itu di-kurangkan pada tiap2 tahun," tambah beliau.

Timbalan Setia Usaha Kerajaan itu juga menegaskan bahawa sa-lain dari ranchangan latehan tempatan dan di-pejabat2, Kerajaan pada masa ini sedang menimbangkan suatu ranchangan bagi mendirikan "sekolah latehan" dengan bantuan kaki tangan Pertubuhan Buroh Antara Bangsa.

USUL TIDAK LULUS

BANDAR BRUNEI. — Dalam PELITA BRUNEI keluaran 1 November, 1961 di-muka lima berhubung dengan laporan persidangan Majlis Meshuarat Negeri Brunei terdapat sadikrit kesilapan tentang ayat "usul2 itu gugor dan tidak di-terima".

Ayat yang sa-benar-nya ia-lah, "usul2 itu tidak di-luluskan oleh Majlis".

ASKAR2 MELAYU BRUNEI BALEK KA-TANAH AYER

BERAKAS. — Kira2 10,000 orang telah menyambut kedatangan Askar2 Melayu Brunei pada masa ketibaan mereka di-lapangan terbang di-sini dari Persekutuan Tanah Melayu pada hari Rabu 8 November, 1961.

Askar2 itu berjumlah 59 orang telah tamat berlatih sa-lama enam bulan di-Port Dickson, Negeri Sembilan. Mereka tiba bersama2 Pancharagam Pasokan ke-5 Askar Melayu Di-Raja Malaya.

Askar2 Brunei itu telah di-jadualkan balek ka-tanah ayer dari Kuala Lumpur dengan kapal terbang Angkatan Udara Diraja Inggeris pada hari Thalatha 7 November.

Oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka ketibaan perajurit2 itu telah di-tanggohkan sa-lama hampir2 24 jam.

Duli Yang Maha Mulia Maulana, Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah menerima tabek kehormatan di-raja dan memereksa satu perbarisan oleh perajurit2 itu di-padang Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 9 November.

Pada malam hari itu satu majlis Aneka Warna telah di-adakan di-padang Bandar Brunei untuk menyambut ketibaan perajurit2 tersebut ka-tanah ayer.

Pada ke-esokan hari mereka telah bersembahyang Jumaat di-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Anggota2 Askar Melayu Brunei itu telah di-beri kelepaan untuk tinggal bersama2 dengan ibu bapa dan keluarga masing2 mulai dari 11 November sa-lama dua minggu.

PERBARISAN DI-KUALA BELAIT DAN DI-TUTONG

Pada hari Ahad 26 November perajurit2 tersebut akan mengadakan perbarisan di-padang Kuala Belait dan pada hari Thalatha 28 November mereka akan mengadakan perbarisan di-Pekan Tutong.

Askar2 itu di-jadualkan berangkat balek ka-Persekutuan Tanah Melayu dengan kapal terbang pada 30 November, 1961 untuk berkhidmat dengan Pasokan2 Askar di-sana sa-lama enam bulan sa-belum balek ka-tanah ayer untuk berkhidmat di-negeri ini.


ALANGKAH GEMBIRA PERAJURIT INI



Sa-orang Askar bergembira dengan keluarga.



Apa khabar saudara?



Askar2 Melayu Brunei di-lapangan terbang Berakas.



Berbaris ka-bangunan lapangan terbang.



Perbarisan di-padang Bandar Brunei.



Malam Aneka Warna meraikan ketibaan Askar2 ka-Brunei.

Askar2 Brunei Menyahut Panggilan Masharakat— Kata Dato Setia Marsal

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un menegaskan yang beliau tidak ragu2 lagi menyatakan bahawa pemuda2 Melayu Brunei telah menyahut panggilan masharakat dalam menjayakan bakti kepada penduduk2 Brunei dengan mencheborkan diri menjadi Askar Melayu Brunei yang baharu sahaja di-tubuhkan itu.

Berkata dalam majlis Malam Aneka Warna kerana sambutan Askar Melayu Brunei balek ka-tanah ayer pada malam 9 November di-Padang Besar Bandar Brunei, Dato Setia Marsal menegaskan:

"Dengan kejujuran tuan2 untuk bertugas sa-terus-nya dalam Askar Melayu Brunei, maka dapat-lah kita gambarkan pada sa'at ini bahawa pada masa akan datang sudah tentu Negeri Brunei akan dapat menempatkan diri-nya bersaing dengan negeri2 yang lain".

Yang Amat Berhormat itu juga membayangkan betapa kebanggaan Negeri Brunei sekarang atas lahir-nya Askar Melayu Brunei dan meyeru kepada pemuda2 negeri ini yang belum mencheborkan diri untuk menjadi Askar Melayu Brunei supaya mengisikan peluang yang maseh terbuka untuk menjunjukkan kewaspadaan dalam menempohi kehidupan.

"Jangan-lah hendak-nya kita ragu2 menjalani rintangan dan

kesulitan kerana tiap2 perkara yang di-maksudkan itu selalunya di-dahului dengan kepahitan," tambah beliau.

Kapada Askar2 Melayu Brunei Dato Setia Marsal berkata: "Jangan-lah terpengaruh oleh kata2 bahawa nyawa tuan2 adalah saperti tarohan orang berju-

lah lambang keamanan, saudara-lah yang akan menerima bebanan yang berat dan kapada saudara-lah juga kami akan serahkan "perisai keamanan".

"Memandang betapa beratnya bebanan saudara itu, maka saudara harus di-beri sanjongan yang tinggi, apa yang kami persembahkan pada malam ini hanya-lah sa-kadar yang dapat kami usahakan."

Persembahan Malam Aneka Warna itu di-penohkan dengan nyanyian, tarian2, lawak jenaka, bacaan sajak dan lakunan pantas dari pemuda pemudi tempatan dan murid2 sekolah2 Melayu di-Bandar Brunei.

Keseluruhan persembahan Malam Aneka Warna itu di-sadorakan dengan unsur2 kegiatan

Perajurit Abu Bakar bin Tahir yang mewakili Askar2 Melayu Brunei telah menyampaikan ucapan-nya dalam majlis itu dan menceritakan bagaimana chara2 mereka menjalani lathihan di-Persekutuan Tanah Melayu sa-lama enam bulan.

Lebih 5,000 orang telah menyaksikan Malam Aneka Warna itu termasuk antara-nya ia-lah Yang Teramat Mulia Duli2 Pengiran Bendahara, Pengiran Pemancha, Yang Amat Berhormat Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Timbalan Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar dan Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri.

Sa-lain dari 59 orang Askar2 Melayu Brunei yang menyaksikan Malam Aneka Warna pada malam itu ia-lah Pegawai Pemementah Askar Melayu Brunei, Lieutenant Colonel, Tengku Ahmad bin Tengku Besar Burhanuddin, ahli2 pasukan pancharagam yang ke-5 dari Askar Melayu Diraja, Persekutuan Tanah Melayu dan pegawai2 yang mengandalkan upacara perbarisan Askar Melayu Brunei.



Beribu2 orang telah menyaksikan Malam Anika Warna yang telah di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 9 November, 1961. Di-antara para penonton itu dalam gambar ini ia-lah Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar Brunei.

PEPEREKSAAN TRENGKAS

BANDAR BRUNEI. — Darjah Trengkas Melayu Permulaan akan di-adakan untuk pegawai2 Kerajaan, mulai pertengahan bulan January, 1962, apakala selesai pendaftaran-nya.

Pegawai2 Kerajaan yang berhajat hendak memasuki darjah ini hendak-lah mendaftarkan nama mulai awal bulan December hadapan dengan mengisikan borang yang boleh di-dapati dari Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei.

Pendaftaran hanya di-terima sa-hingga 15 December hadapan.

Ketua2 pejabat ada-lah diminta supaya memberi tahu perkara ini kepada pegawai2-nya.

Demikian menurut Surat Keliling Jabatan Pelajaran Negara Brunei.

di — "kalah atau menang" — sa-bagai orang Islam, nyawa kita bukan-nya di-hujong pedang atau di-kepala peluru, tetapi nyawa kita ada-lah sentiasa di-tangan Allah."

Inche Jaya bin Abd. Latif, selaku pengerusi Malam Aneka Warna tersebut telah juga membuat ucapan-nya dalam majlis itu yang keseluruhan-nya mengesakan kebangkitan pemuda2 tanah ayer dan mengalukan2 sa-bagai penghormatan kepada perajurit2 yang baharu itu.

Beliau berkata: "Jasa saudara terhadap negara tetap akan di-ingati, saudara-

pendorong semangat untuk Askar Melayu Brunei itu demi kepentingan negara, bangsa dan ugama.

Sa-buah "sandiwaru satu babak" bernama Darah Pahlawan telah di-pentaskan yang meng-gambarkan kecekalan hati sa-orang pemuda yang ingin berbakti menjadi sa-orang askar dengan menempoh rintangan2 dari kawan2-nya dan orang tua-nya sendiri. Akhir-nya pemuda itu berjaya dengan chita2-nya yang mornji itu.

Sandiwaru itu di-karang dan di-arahkan oleh Inche Mohamad Serudin.

DARJAH BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Darjah Bahasa Melayu Permulaan bagi pegawai2 di-gudang2 perniagaan dan guru2 di-sekolah2 China dan Misi yang belum memasuki Darjah Bahasa Melayu akan di-adakan pada pertengahan bulan January tahun hadapan.

Borang pendaftaran boleh di-dapati dari sekarang, di-tempat2 saperti yang berikut:

★ Di-Bandar Brunei — Pejabat Pelajaran Brunei.

★ Di-Kuala Belait — Pejabat Pelajaran, Kuala Belait.

★ Di-Seria — Sekolah Melayu Muhammad Alam.

Pendaftaran akan di-tutup pada 15 December tahun ini.

Pengurus2 gudang2 perniagaan dan Guru2 Besar sekolah2 China dan Misi ada-lah di-minta menghebahkan perkara ini kapada yang berkenaan.

CHARA MENANAM POKOK BUAH2AN

(Sambongan minggu lepas)

Pekerjaan membaja pokok2 itu ada-lah satu perkara yang mustahak di-lakukan, terutama sekali jika tanah itu kurang subur. Kerana kesuburan pokok itu ada-lah bergantung kapada keadaan tanah. Jika tanah itu kaya dengan baja tidak-lah begitu di-risaukan untuk menambah baja. Tetapi jika tanah itu kurang subur mungkin hasil-nya tidak memuaskan jika tidak di-beri baja dengan sa-chukup-nya.

Memberi baja pada pokok2

tersebut hendak-lah dalam masa sa-tahun sa-kali ia-itu sa-lepas pokok2 itu berbuah. Dan jangan-lah sekali2 membaja dalam masa pokok2 itu sedang berbuah, kerana mungkin buah2 itu akan menjadi burok atau jatos sa-belum masa-nya untuk di-petik.

Dalam masa membaja yang lebih baik di-lakukan ia-lah pada musim hujan supaya menchepatrick baja2 itu chair dan chepat di-nikmati oleh pokok2 itu.

Jika membaja dalam musim kemarau mungkin pokok2 yang di-baja itu akan mati, kerana baja2 yang di-dalam tanah itu panas dan tidak dapat chair untuk di-nikmati oleh pokok2 itu.

Chara membaja yang baik ia-lah dengan:

◆ Galikan tanah saperti parit di-keliling pangkal pokok itu bersepetangan (sama baris) dengan daun pokok itu. Luasnya kira2 8 atau 12 inci

dan dalam-nya kira2 6 atau 12 inci. Ini mengikut besar pokok yang hendak di-baja itu.

◆ Sa-lepas itu bubuhkan kira2 4 atau 8 pangkis tahi lembu atau tahi kambing, tahi ayam atau sampah2 burok ka-dalam parit yang di-gali itu pada tiap2 sa-pokok, dan

◆ Sa-lepas itu kembalikan semula tanah yang di-gali itu tadi.

Pemenang2 Pertandingan Hokey Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Satu upacara menyampaikan piala2 perak untuk pasukan2 yang berjaya dalam pertandingan2 hokey di-Daerah Brunei pada tahun ini telah di-adakan di-padang Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Upacara itu di-langsungkan sa-lepas sahaja selesai pertandingan hokey sa-chara persahabatan di-antara Pasukan Hokey Bandar Brunei dan Pasukan Hokey Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada petang hari Jumaat 10 November yang lalu.

Sabelum itu pertandingan tersebut telah di-jadual hendak di-adakan di-padang tersebut pada 1 November yang lalu.

Akan tetapi, oleh kerana hujan telah menchorah turun dengan lebat pada hari tersebut, maka Persatuan Hokey Daerah Brunei telah mengubah tarikh pertandingan itu kepada hari Jumaat yang lalu.

Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un, Menteri Besar, Brunei telah menyampaikan piala2 perak pusingan kepada pasukan2 yang berjaya dalam pertandingan2 hokey di-Daerah Brunei seperti berikut:

★ **Piala Perak Gwyn Roberts:** Untuk pertandingan sa-chara pukolan jatoh di-menangi oleh Brunei Sports Club.

★ **Piala Perak Friends:** Untuk johan Bahagian Yang Pertama di-menangi oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei.

★ **Piala Perak Kejohanan Ba-**

SPORTS CLUB MENANG

BANDAR BRUNEI. — Dua pasukan hokey yang kuat di-sini telah bertemu dalam satu pertandingan sa-chara persahabatan di-padang Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada petang hari Jumaat yang lalu.

Pasukan2 tersebut ia-lah Pasukan Hokey Bandar Brunei dan Pasukan Hokey Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Dalam pertandingan tersebut Bandar Brunei telah mengalahkan Maktab S.O.A.S. dengan 6 gol berbalas 3.

Inche David Forrer dan Inche Gamalatge telah mengadakan pertandingan itu.

bagian Yang Kedua: Pemenangnya ia-lah Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Sa-belum Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal menyampaikan piala2 perak tersebut, ucapan2 yang berharga telah di-lafadzkan oleh Inche Norman Vowles, Wakil Persatuan Hokey Daerah Brunei dan oleh Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal.



Pemain2 hokey pasukan Maktab Perguruan Melayu Brunei. Pasukan ini telah berjaya menjadi johan dalam pertandingan hokey Daerah Brunei bahagian kedua.

BOLA SEPAK SEKOLAH2

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Berakas telah sa-kali lagi berjaya memenangi pertandingan bola sepak di-antara sekolah2 dalam kawasan Brunei Dua pada tahun yang kedua berturut2 apabila sekolah itu mengalahkan Sekolah Melayu Panchor Murai dengan 4 gol tidak berbalas.

Pertandingan itu telah di-langsungkan di-padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jemalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Rabu yang lalu.

Di-antara ramai yang menyaksikan pertandingan tersebut ia-lah Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pegawai Daerah Brunei dan Muara; Inche Mohamed Yusof bin Tahir, Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua; Yang Berhormat Inche Shahbudin bin Saleh Pemangku Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Temburong yang juga menjadi bekas Guru Besar Sekolah Melayu Berakas; Guru2 Besar Sekolah2 Melayu dan lain2-nya.

Pada sa-paroh masa pertandingan itu Sekolah Melayu Berakas telah mendapat dua gol dan dua gol lagi di-jaringkan pada masa pertengahan yang kedua.

Ramli Awang Tengah, Awangku Tajuddin bin Pengiran Osman, Awangku Jaludin dan Mat Din Sanip telah menjaringkan satu gol sa-sorang.

Inche Abdul Jalil telah mengadakan pertandingan tersebut. Piala perak yang di-hadiahkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad bin Daud dan sa-buah lagi yang di-hadiahkan oleh Guru2 Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua telah disampaikan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Abdul Rahman kepada pasukan Sekolah Melayu Berakas.

Akan di-ingatkan bahawa pada tahun lalu Sekolah Melayu Berakas dan Sekolah Melayu Panchor Murai telah juga memasuki pertandingan akhir bola sepak di-antara Sekolah2 dalam Brunei Dua.

Sekolah Melayu Berakas telah memenangi pertandingan itu dengan hanya dua penjuru sahaja, tetapi pada tahun ini Sekolah Melayu Berakas telah mengalahkan Sekolah Melayu Panchor Murai dengan 4 gol tidak berbalas.

PERLUMBAAN BASIKAL KELAB PEMUDA SERIA



PELITA BRUNEI telah menyiarkan berita2 berhubung dengan perlumbaan basikal di-bawah anjoran Kelab Pemuda Setia dalam Keluaran 1 Nov., 1961. Gambar atas: Di-antara peserta2 lelaki yang mengambil bahagian dalam perlumbaan sa-jauh 7½ batu. Gambar tengah: Sa-bilangan daripada wanita2 yang mengambil bahagian dalam perlumbaan sa-jauh 2½ batu kelihatan sedang bersedia di-tempat permulaan. Gambar bawah: Tiga orang wanita yang mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut. Di-antara-nya dua orang telah mendapat gelaran2 yang kedua dan ketiga. Puan Rose Chin, dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei (di-hadapan), menjadi naib johan dan di-belakang-nya Puan Zene Kadir dari Setia yang mendapat gelaran ketiga.

PERMOHONAN MENJADI ASKAR

◆ Saudara telah melihat bagaimana megah-nya Askar2 Melayu Brunei yang pertama pulang ka-tanah ayer selepas berjaya menamatkan latihan di-Persekutuan Tanah Melayu.

◆ Saudara telah mendengar bagaimana gembira mereka berkhidmat dalam angkatan bersenjata yang baharu bagi negeri ini.

◆ Mereka sekarang sedang bersukaria — dalam berchuti — berchampur gaul dengan keluarga dan sanak saudara mereka.

◆ Sa-lama enam bulan sahaja mereka telah menerima wang simpanan yang berjumlah \$600.00 tiap2 saorang sa-lama men-

jalani latihan dalam masa yang singkat sahaja.

◆ Dan baharu2 ini saudara telah menyaksikan sendiri bagaimana hebat dan tangkas-nya Askar2 Melayu Brunei melakukan upacara perbarisannya, bagai mana sambutan penghormatan Duli Yang Maha Mulia, pembesar2 negara dan seluruh rakyat dalam negeri ini.

MENJADI SA-ORANG ASKAR, DI-PILEH UNTUK MEWAKILI DAN MEMPERTAHANKAN NEGERI SAUDARA ADA-LAH SATU KEMULIAAN KAPADA BANGSA DAN TANAH AYER, DN MENDATANGKAN KEUNTONGAN KAPADA SAUDARA SENDIRI.

Jika saudara fikir diri saudara layak

menjadi Askar, minta-lah borang2 permohonan yang boleh di-dapati di-Pejabat Penerangan Brunei, Bilek Bachaan Bangar Temburong, Bilek Bachaan Tutong dan Pejabat Penerangan Kuala Belait.

Borang2 permohonan itu hendaklah di-hantar ka-Balai Polis atau Pejabat Penerangan yang berhampiran sa-telah saudara isikan.

Bakal2 pelatoh yang akan datang ini akan bertolak ka-Persekutuan Tanah Melayu dalam masa yang tidak berapa lama lagi untuk menjalani latihan bersama2 dengan teman sa-perjuangan mereka iaitu Askar2 yang sudah terlatih. Jadikan-lah diri saudara sa-orang daripada-nya.

BERKHIDMAT-LAH DALAM ASKAR MELAYU BRUNEI

Y.T.M. Duli Pengiran Bendahara Balek Dari Malaya

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Dato Paduka Muda Hashim telah balek ka-Brunei dari Persekutuan Tanah Melayu pada 1 November yang lalu.

Yang Teramat Mulia itu telah berangkat ka-sana sa-bagai wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia untuk mengurniakan Bintang Kehormatan Negeri Brunei yang

tinggi sa-kali, ia-itu Darjah Kerabat Brunei Yang Amat Di-hormati kapada Duli2 Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan dan Sultan Kelantan.

Duli Pengiran Bendahara telah di-iringi pada masa keberangkatan ka-Persekutuan Tanah Melayu oleh tiga orang Pehin2.

Mereka itu ia-lah Yang Di-hormati lagi di-mulihkan Pehin Orang Kaya Di-Gadong Haji Mohamed Yusof bin Jawatan Dalam Haji Mohamed Hussein; Yang Di-Mulihkan Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Di-raja

Haji Ali Hussein dan Yang Di-Mulihkan Pehin Bendahari Mohamed Taha bin Bakir.

Pehin Orang Kaya Perbendaharaan Di-raja telah mengiringi Duli Pengiran Bendahara balek ka-Tanah Ayer pada 1 November.

Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan Pehin Bendahari Mohamed Taha telah balek ka-Brunei pada 7 November.

Pehin Orang Kaya Di-Gadong dan Pehin Bendahari balek ka-Brunei terlewat daripada Duli Pengiran Bendahara dan Pehin Perbendaharaan Di-raja, ia-lah kerana mereka telah menghadiri istiadat2 mengurniakan Pingat Setia Negara Brunei kapada dua orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur pada 5 November.

LANTEKAN2 BAHARU

BANDAR BRUNEI. — Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara akan bertukar ka-Kuala Belait sa-bagai Pemangku Pegawai Daerah di-sana mulai dari 1 December hadapan.

Inche Abdul Ghani bin Hassan, Pemangku Pegawai Daerah, Kuala Belait akan bertukar ka-Bandar Brunei sa-bagai Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara mulai dari 1 December akan datang.

Inche Ajmain bin Abdul Razak, Pegawai Daerah Temburong telah bertukar ka-Tutong sa-bagai Pegawai Daerah Tutong mulai pada 8 November, 1961 menggantikan tempat Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Pemancha Mohamed Salleh yang telah berchuti panjang sa-belum bersara.

Inche Abidin bin Abdul Rashid, Penolong Pegawai Daerah Kuala Belait telah bertukar ka-Temburong sa-bagai Pemangku Pegawai Daerah Temburong mulai dari 8 November, 1961.

Inche Mohamed Salleh bin Hdup, Kadet dalam Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei yang berkhidmat di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara telah bertukar ka-Pejabat Daerah Kuala Belait baharu2 ini.

Inche Ya'acob bin Ahmad, Kadet dalam Perkhidmatan Pertadbiran Negeri Brunei dari Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei telah bertukar ka-Pejabat Daerah Brunei dan Muara pada awal bulan ini.

WAKIL2 BRUNEI BALEK

BERAKAS. — Dua orang Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadiri Meshuarat Lembaga Penasehat Haji di-Kuala Lumpur pada akhir bulan October yang lalu telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang pada hari Jumaat 3 November.

Mereka itu ia-lah Yang Ber-



Murid2 Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah di-gambarkan sedang mempersembahkan sa-buah tarian kebudayaan Melayu di-temasha Malam Aneka Warna yang telah di-adakan di-padang Bandar Brunei pada malam 9 November, 1961, untuk meraikan ketibaan Askar2 Melayu Brunei ka-tanah ayer. Satu sandiwara bertajuk "Darah Pahlawan" di-bawah arahan Inche Mohamad Sarudin telah di-persembahkan antara lain2-nya di-temasha tersebut.

KEJAYAAN PERAJURIT2 TANAH AYER

PORT DICKSON. — Perajurit Abu Bakar bin Tahir, dari Askar Melayu Brunei telah mendapat hadiah piala perak yang besar sa-bagai pelatoh askar yang terbaik sa-kali dari Brunei.

Hadiah itu telah di-sampaikan kapada Perajurit Abu Bakar oleh Tengku Osman bin Tengku Mohamed Jawa, Brigadier, Tentera Darat Persekutuan Tanah Melayu dalam satu istiadat tamat latehan 59 orang Askar2 Melayu Brunei.

hormat Dato Setia Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, Pengetua, Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Negeri Brunei dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Kemaludin bin Al-merhom Duli Pengiran Bendahara Haji Mohamed Yassin, Setia Usaha, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Istiadat tersebut telah di-adakan di-padang kawat Askar Melayu Diraja di-Port Dickson, Negeri Sembilan pada hari Sabtu 4 November, 1961.

Perajurit Mohamed Shah bin Mohamed telah mendapat hadiah sa-bagai penembak yang terbaik sa-kali.

Pasokan yang terbaik sa-kali ia-lah pasokan yang di-bawah N.C.O. Mohamed Yusof dari Askar Melayu Diraja.

Sa-belum menyampaikan hadiah2 tersebut Tengku Osman telah memeriksa perbarisan tamat latehan Askar Melayu Brunei.

Tengku Osman telah mengucapkan tahniah atas kejayaan para perajurit tersebut sambil menasihatkan mereka supaya ta'at setia kapada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei, undang2 dan pegawai2 mereka.

Kurniaan D.Y.M.M. Kapada Pegawai2 Malaya

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Pingat Setia Negara Brunei kapada dua orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Beliau2 itu ia-lah Inche Ali bin Hassan, bekas Peguam Negara, Brunei dan Inche Abdul Karim bin Nawab Din, Pemangku Pengarah Perkhidmatan Perubatan Persekutuan Tanah Melayu, bahagian gigi.

Kurniaan tersebut telah di-sampaikan kapada Inche Ali dan Inche Abdul Karim oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah bagi pehak Duli Yang Maha Mulia di-Rumah Awang Alak Betatar Kuala Lumpur, pada 5 November yang lalu.

Admiral Luce Melawat Seria

SERIA. — Admiral Sir David Luce, Panglima Agong Angkatan Laut Inggeris di-Timor Jauh telah melawat ka-Seria baharu2 ini.

Beliau telah tiba di-Labuan dari Singapura dengan kapal perang Angkatan Laut Diraja Inggeris "Alert" dan dari Labuan telah datang ka-sini dengan kapal terbang.

Ketika tiba di-lapangan terbang Anduki, Admiral Luce telah di-sambut oleh Yang Terutama Tuan D.C. White, Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei.

Sa-telah melawat ka-kawasan padang minyak Seria sa-lama beberapa jam, Admiral Luce telah berangkat balek ka-Labuan dengan kapal terbang.

Derma Kebakaran

BANDAR BRUNEI. — Kutipan derma kebakaran hasil usaha Pakatan Bumi Putera Brunei dengan mementaskan sa-buah derama "Pudar-nya Sa-buah Empire" yang telah berlangsung pada bulan lepas di-panggung Boon Pang Baharu itu berjumlah sa-banyak \$1,119.

Jumlah wang tersebut telah diserahkan kapada Yang Berhormat Dato Setia Pengiran Ali, Pengetua, Pegawai Hal-Ehwal Ugama Negeri Brunei yang bertindak sa-laku Pemangku Pegawai Kebajikan Masharakat, Brunei.